

**SOALAN NO: 56**

- (iv) Penganjur hendaklah mengemukakan pelan prosedur kawalan keselamatan semasa mengemukakan permohonan kepada PUSPAL dan penganjur sekiranya perlu akan dipanggil hadir untuk memberikan penjelasan secara terperinci; dan
- (v) Selain pasukan keselamatan syarikat persendirian yang dilantik, agensi penguatkuasaan dan keselamatan yang perlu terlibat ialah PDRM, PBT, AADK, RELA, serta pasukan perubatan tertakluk kepada jenis persembahan mengikut keadaan yang munasabah. Selain menjalankan tugas kawalan keselamatan, keberadaan agensi tersebut secara tidak langsung dapat mengurangkan risiko berlakunya insiden yang tidak diingini setelah pengunjung menyedari kewujudan agensi tersebut di lokasi.

Secara dasarnya, semua peraturan tambahan ini telah dikuatkuaskan secara serta merta. Walau bagaimanapun, berdasarkan faktor keselamatan dan ketenteraman awam, JK-PUSPAL tidak dapat mempertimbangkan sebarang permohonan berkaitan persembahan / konsert terbuka berskala besar yang berkonsepkan DJ *Electronic Dance Music* buat masa ini.

Kementerian serta penggiat industri sentiasa bekerjasama dari masa ke semasa dengan JAKIM untuk mendapatkan nasihat dan panduan dalam penyediaan garis panduan industri seni. JAKIM juga merupakan anggota Jawatankuasa Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) seliaan KKMM.

**NO. SOALAN: 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ] minta PERDANA MENTERI menyatakan status terkini kerja-kerja mencari gali minyak di perairan Pahang.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kesemua aktiviti-aktiviti mencari gali di luar persisiran pantai Semenanjung Malaysia adalah berada di luar kawasan 3 batu nautika dan tertakluk dibawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Buat masa ini aktiviti-aktiviti mencari gali minyak dan gas sedang giat dijalankan dan berada di pelbagai peringkat pembangunan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**

**TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN : 58**

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apa langkah-langkah pembaikan yang telah dilakukan terhadap keluhan-keluhan AirAsia tentang KLIA 2 yang dinyatakan sebagai valid complaints oleh Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kuala Kedah, keluhan AirAsia lebih kepada isu mendapan tanah. Mendapan yang berlaku adalah kecil dan di kawasan yang tertentu sahaja.

MAHB amat peka terhadap isu tersebut dan sentiasa melaksanakan kerja-kerja pembaikan segera sebaik sahaja mendapan dikesan. Sebahagian kawasan terjejas didapati tidak lagi mendap setelah kerja-kerja pembaikan dilaksanakan. MAHB juga sentiasa memantau seluruh kawasan airside KLIA2 dan mengarahkan kontraktor melepa kawasan tersebut akan diteruskan sehingga medapan tidak berlaku lagi.

**NO. SOALAN: 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM**

**TARIKH : 12 JUN 2014**

**SOALAN :**

**DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah segera yang telah diambil oleh Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) sehingga Mei 2014 ekoran kes-kes penculikan bersenjata yang berlaku di sempadan negeri Sabah memandangkan keadaan tersebut bukan sahaja memudaratkan keselamatan penduduk tempatan malah turut mempengaruhi sektor pelancongan.

- v) Peningkatan atur gerak trup dari wilayah lain ke ESSZONE dan rondaan bersepadu ATM dan PGA di daratan;
- vi) Penambahbaikan/peningkatan pos-pos keselamatan;
- vii) Op Gasak bagi membersihkan penjenayah/PATI. Sejak 24 Nov 2013 sehingga sekarang, seramai 1296 PATI telah ditahan dan seramai 3,323 orang telah diperiksa.;
- viii) Pemantauan Udara Bersepadu oleh Pasukan Gerak Udara (PGU) dan ATM;
- ix) Pengwujudan 5 balai polis baru dan 3 balai polis yang sedia ada di naik taraf;
- x) Pengukuhan keselamatan pulau-pulau yang ada pusat-pusat peranginan;
- xi) *Engagement* dengan semua stakeholders di ESSZONE;
- xii) Peningkatan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan/perisikan Filipina; dan
- xiii) Melaksanakan pendaftaran awal “*Pump Boat*” bagi tujuan pengawalan.

2. Kerajaan juga akan mengambil beberapa langkah baru yang bertujuan untuk memastikan keadaan keselamatan di kawasan tersebut sentiasa berada di tahap yang baik. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- i) Perancangan pewujudan *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan kerjasama PETRONAS;
- ii) Penguatkuasaan *Designated Route* atau laluan khusus untuk kapal-kapal/bot yang akan masuk perairan Sabah; dan
- iii) Penubuhan unit-unit sukarelawan iaitu ATM, Polis, JPAM, RELA dan sebagainya.

Sekian. Terima Kasih.